

67

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI

TARIKH: 9 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah nisbah terkini pekerja warga asing dan pekerja warga tempatan yang ada di Malaysia pada ketika ini.

PR-1353-L03551

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Menurut Statistik Penyiasatan Tenaga Buruh 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pekerja warganegara Malaysia adalah sebanyak 12 juta orang manakala jumlah pekerja warga asing pula adalah sebanyak 2,2 juta orang.

2. Bagi isu yang dibangkitkan oleh YB Lembah Pantai, berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing yang diluluskan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sehingga Julai 2017 adalah seramai 1.7 juta orang atau 12.2% daripada keseluruhan guna tenaga negara. Kadar dan bilangan pekerja asing ini masih tidak melebihi 15 peratus sebagaimana disasarkan di bawah dokumen Rancangan Malaysia Ke-11 berbanding dengan jumlah guna tenaga negara berjumlah 14.4 juta orang pada suku kedua tahun 2017.